

08/09/1997

Perhimpunan Agung Umno berakhir

PERHIMPUNAN Agung Umno berakhir semalam selepas berlangsung tiga hari di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Perhimpunan itu meluluskan tiga usul iaitu ucapan dasar Presiden, agama dan ekonomi. Ketika perbahasan, perwakilan menyentuh pelbagai isu semasa terutama ancaman ekonomi negara dan keutamaan dalam Islam.

Perhimpunan bertemakan Akhlak Mulia, Masyarakat Jaya dipengerusikan Pengerusi Tetap Tan Sri Sulaiman Ninam Shah dan Timbalannya Tan Sri Shoib Haji Ahmad.

Ucapan penggulungan semalam bermula dengan Menteri Besar Kedah, Tan Sri Sanusi Junid diikuti Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamed; dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman, semuanya anggota Majlis Tertinggi.

Kemudian diikuti Naib Presiden Datuk Seri Najib Tun Razak; Timbalan Presiden Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Tan Sri Sulaiman juga melancarkan kutipan derma Umno untuk Yayasan Sarang Bangun bagi membantu anak yatim dan balu bekas Pemisah Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro (MNLF) di Mindanao, yang dapat mengumpul RM23,000.

(END)